



Aktiviti membaca dan menulis mempunyai hubungan yang amat rapat. Kita dapat membaca jika ada apa-apa yang ditulis. Orang akan terus menulis jika ada orang yang ingin membacanya. Hasil penulisan melahirkan buku, akhbar, dan majalah, dan yang terkini dalam bentuk maya, seperti blog dan laman sesawang. Semua perkara itu menjurus kepada langkah merealisasikan konsep *iqra* dalam kehidupan.

Penulisan ialah kaedah manusia untuk merakamkan, mendokumentasikan, dan memberikan maklumat kepada manusia. Kita banyak mendapat maklumat mengenai masyarakat dahulu melalui tinggalan penulisan di dinding gua, kawasan perkuburan, binaan, tembikar dan batu. Apabila kertas mula dicipta, penulisan menjadi lebih mudah dan lebih banyak rakaman sejarah dapat disimpan.

MASIH PERLUKAH KEMPEN MEMBACA?

Ann Quindlen, pengarang terkenal Amerika Syarikat, dalam bukunya *How Reading Changing My-Life* yang diterbitkan pada tahun 1998, menulis, "Saya percaya bahawa membaca pelbagai karya orang luar akan mengajar kita untuk mengetahui, menghayati, dan mentafsirkan pengalaman orang lain dan hal ini menjadikan saya menemui mutiara-mutiara baharu dalam kehidupan saya."

Sememangnya aktiviti membaca itu dapat membawa seseorang kepada dunia kehidupan yang lebih luas. Kita dapat menyelami ungkapan dialog, kekayaan imaginasi, luapan emosi, dan gelora kreativiti yang digarapkan oleh penulis apabila kita membaca.

Dengan pembacaan, kita juga dapat berkongsi maklumat dan pengalaman dalam masa yang

singkat biarpun sebenarnya himpunan maklumat dalam buku itu mengisahkan tempoh masa yang panjang atau masa untuk menuliskannya agak lama. Itulah kehabatan membaca.

Hal ini bermakna bahawa mudahnya untuk kita mendapatkan sesuatu melalui pembacaan sedangkan pengarang buku itu telah berkorban masa, tenaga, dan wang untuk menyiapkan buku itu. Kita dapat membaca kisah sukar ketika peperangan atau keadaan tidak selamat apabila penulis sendiri berhadapan dengan suasana antara hidup dengan mati.

Dengan kata lain, menerusi buku dan pembacaan, manusia mengalami sesuatu peristiwa dan pengalaman tanpa perlu melalui situasi sebenar. Jika hal tersebut mempunyai kaitan dengan ilmu atau penemuan baharu, pembaca mendapat "barang siap" tanpa perlu melakukan uji kaji mengenai sesuatu perkara dengan hanya membaca.

Ilmu pengetahuan amat penting dalam kehidupan manusia, terutama ketika semua pihak sedang bersaing untuk mencari ilmu yang berkualiti bagi pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa. Masyarakat yang membaca mencapai kejayaan dalam apa-apa juga bidang yang diteroka. Ilmu yang diperoleh melalui pembacaan membolehkan mereka mengaplikasikannya untuk kejayaan.

Bagi mereka yang masih di bangku sekolah atau pusat pengajian tinggi, bersemuka dengan guru dan pensyarah menjadi kaedah untuk menuntut ilmu. Namun demikian, bagi orang ramai, peluang terbuka luas untuk menuntut ilmu melalui pembacaan.

Bagi sesiapa yang membaca secara berterusan, mereka berada dalam proses menuntut ilmu.

Kerajaan memberikan tumpuan khusus untuk melahirkan rakyat yang berilmu. Hal ini dilakukan dengan meningkatkan kualiti pendidikan pada peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Sekarang dapat dikatakan bahawa semua golongan muda boleh membaca. Jadi golongan ini tidak sukar untuk terus mendapatkan ilmu melalui pembacaan biarpun telah berhenti daripada alam persekolahan atau pendidikan formal.

Dalam tempoh masa sedekad yang lalu, negara mengalami pembangunan pesat bagi mewujudkan pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Pendidikan tinggi negara bukan sahaja membuka peluang kepada rakyat, bahkan Malaysia kini menjadi hab pendidikan tinggi yang menarik minat pelajar antarabangsa. Kini terdapat kira-kira 107 ribu orang pelajar asing yang menuntut di negara ini dalam pelbagai bidang.


Namun demikian, tatkala kita berasa bangga dengan prestasi pembangunan pendidikan negara, perkara yang masih mengecewakan kita ialah pemugaran budaya membaca. Kadar membaca

rakyat Malaysia masih rendah jika dibandingkan dengan kadar celik huruf dan kebolehan mendapatkan bahan bacaan dengan mudahnya.

Perkara ini merencatkan proses menuntut ilmu yang berterusan. Didapati bahawa golongan pelajar hanya membaca buku atau nota untuk tujuan peperiksaan. Mereka tidak membaca apa-apa yang lain. Selepas tamat pengajian, amalan itu ditinggalkan.

Mereka yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan belum tentu dapat digelar sebagai bijak pandai. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu yang dipelajari di sekolah dan institut pengajian tinggi hanya sebahagian daripada ilmu yang banyak. Yang perlu ditegaskan ialah bahawa ilmu atau kemahiran yang diperoleh sepanjang belajar secara formal hanya asas dan perlu dikembangkan secara berterusan untuk menghadapi realiti ilmu yang sebenarnya.

Tambahan pula, apa-apa yang dipelajari mudah dilupai jika kita tidak terus membaca daripada sumber lain untuk proses pengukuhan



ilmu. Ilmu yang dipelajari sebelum ini mungkin menjadi "basi" sebagai akibat perubahan masa dan teknologi. Maka proses mengemaskinikan ilmu perlu dilakukan melalui pembacaan.

Malaysia sedang menuju ke arah Wawasan 2020. Pada tahun 2020, negara dijangka mencapai status negara maju. Antara ciri negara maju termasuklah majoriti rakyatnya dianggap sudah mencapai status berilmu dengan menguasai ilmu atau kemahiran dalam bidang tertentu. Maka prasyarat untuk mencapai hasrat itu ialah pembentukan budaya membaca.

Kita dapat melihat cara rakyat Jepun mengamalkan budaya membaca secara meluas. Di mana-mana sahaja, kita dapat melihat orang negara itu membaca, seperti di dalam kenderaan awam, di taman, dan di restoran sambil menikmati hidangan. Aktiviti membaca menjadi rutin rakyatnya yang tidak kira usia.

Jepun mempunyai rakyat celik huruf yang tertinggi di Asia, iaitu sebanyak 99 peratus. Industri buku berkembang pesat di negara itu sehingga kedai bukunya menjadi tempat istimewa untuk dikunjungi. Kedai buku di Jepun menyediakan kemudahan dan layanan seperti hotel yang menyediakan lobi bagi memudahkan pengunjung membuat janji temu dan mengadakan sesi perbincangan.

Kita terpaksa mengakui bahawa sikap suka membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih tidak boleh dibanggakan. Kajian profil membaca rakyat Malaysia pada tahun 2005 oleh Perpustakaan Negara Malaysia mendapati bahawa secara purata rakyat negara ini membaca dua buah buku setahun berbanding dengan

tahun 1996 apabila mereka hanya membaca dua halaman setahun.

Kajian olahan semula profil membaca rakyat Malaysia pada tahun 2010 menunjukkan bahawa rakyat negara ini yang berusia antara 10 tahun hingga 40 tahun membaca sebanyak lapan hingga 12 buah buku setahun. Kajian yang sama juga mendapati bahawa mereka yang lebih berumur membaca enam buah buku setahun. Secara amnya, angka ini menunjukkan peningkatan yang baik berbanding dengan purata hanya dua buah buku setahun yang dicatatkan dalam kajian pada tahun 2005.

Jika pada tahun 1990-an buku bukan akademik yang dicari ialah buku agama, pada tahun 2000 dan seterusnya, novel menjadi bacaan pilihan yang paling popular. Hal ini diikuti oleh buku motivasi, masakan, hiasan dan kesihatan. Akhir-akhir ini, minat membaca masyarakat negara ini nampaknya sudah kembali kepada buku agama.

Tidak dinafikan bahawa terdapat golongan yang membaca, tetapi mereka hanya membaca bahan berbentuk hiburan dan santai. Buku yang berbentuk akademik atau pengetahuan tidak mendapat sambutan. Perkara ini menyebabkan penulis dan penerbit kurang berminat untuk mengeluarkan buku berbentuk pengetahuan.

Dana Penerbitan Penggerak Industri Buku Negara yang disediakan oleh kerajaan diharapkan dapat meningkatkan jumlah penerbitan buku judul baharu karya asli berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang dan untuk pelbagai peringkat pembaca. Dana ini diurus oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Bantuan Baucar Buku (Malaysia yang diberikan kepada pelajar tingkatan enam dan pusat pengajian tinggi tidak ketara berjaya meningkatkan minat membaca biarpun meningkatkan pembelian buku. Banyak baucar buku ditebus semata-mata tidak mahu luput begitu sahaja.

Pada tahun 1995, dilaporkan bahawa sembilan juta naskhah buku terbitan DBP dalam pelbagai bidang tersadai di dalam stor organisasi itu, sama ada tidak terjual ataupun tidak laku. Biarpun kisah itu berlaku lebih daripada 20 tahun yang lalu, pada hakikatnya, keadaan masih tidak banyak berubah sehingga sekarang.

Terdapat teori yang mengatakan bahawa pemupukan minat membaca tidak semestinya terus menggunakan buku atau bahan bacaan serius. Jangan ditegah atau dicemuh mereka yang minat membaca majalah berbentuk hiburan dan gosip atau santai sahaja. Amalan itu lebih baik daripada mereka yang tidak minat membaca langsung. Tambahan pula, kandungan majalah kini dipelbagaikan yang turut menyelitikan rencana berbentuk pengetahuan dan agama.

Kita berharap agar budaya membaca dapat ditingkatkan tanpa mengira tahap bahan bacaan itu. Aktiviti membaca majalah atau akhbar picians juga mencetuskan gelombang budaya membaca. Kita berharap agar mereka kemudian berubah sikap dengan membaca bahan yang lebih serius dan berbentuk keilmuan. Penerbit majalah dan akhbar picians diharapkan dapat menyelitikan atau memperbanyak bahan berilmu dan bermaklumat dalam penerbitan mereka. 